

# Sarawak mahu cuba benih padi Vietnam

ADI SAFARMAN

**SRI AMAN:** Sarawak sedang mencuba benih padi dari Vietnam yang mampu mengeluarkan hasil lebih banyak untuk ditanam secara komersial di negeri ini.

Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata ini sebagai tambahan kepada apa yang diusahakan di Lubok Punggor, Simunjan melalui kajian oleh pakar Universiti Putra Malaysia (UPM) Bintulu.

"Dalam kajian serta eksperimen (UPM) itu didapati mampu mengeluarkan hasil satu hektar boleh ditanam lima musim dalam masa 24 bulan.

"Oleh itu, kita berkehendakkan teknologi baharu dan juga benih yang baharu termasuk benih hibrid. Saya juga telah mencuba satu benih dari Vietnam yang juga mampu mengeluarkan hasil lebih banyak.

"Kerajaan Sarawak sedang memberikan tumpuan utama kepada pengeluaran beras supaya mempunyai keselamatan

makanan terjamin untuk sara diri.

"Sarawak mempunyai rancangan untuk menggunakan tanah lebih kurang 20,000 hektar bagi menanam padi dengan keluaran hasil yang tinggi.

"Apa yang berlaku sekarang, Sarawak hanya dapat mengeluarkan 36 peratus (beras) daripada yang dikehendaki di negeri ini, maka kita hendak tingkatkan kepada 100 peratus," katanya berucap pada lawatan ke Jelapang Padi Sri Aman bertempat di Kilang Pemprosesan dan pengeluaran benih padi sah (SPPC) Stumbin dekat sini, semalam.

Abang Johari berkata, ini bermakna kerajaan Sarawak memberi peruntukan yang besar dalam penanaman padi kerana ia berkehendakkan air.

"Peruntukan begitu besar diperlukan untuk tujuan itu. Sebab itu kerajaan Sarawak akan memberikan peruntukan tersebut untuk kita membangunkan secara beransur-ansur penanam padi.

"Untuk kawasan Selatan Sarawak, seperti di Gedong, Simunjan dan Sri Aman kita akan mengambil

kira kawasan 10,000 hektar, dan kawasan utara Sarawak pula, 10,000 hektar juga termasuklah kawasan Limbang dan Lawas dan sebahagian dari Bekenu.

"Jika kita bekerja keras untuk tujuan itu Sarawak mampu mengeluarkan beras yang dikehendaki dan kalau ada baki kita akan jual ke luar negara.

"Jadi di sini saya bersetuju untuk mencuba 1,500 hektar tanah kerajaan untuk kita gunakan dengan teknologi baharu dengan harapan tanah-tanah yang lain iaitu kepunyaan orang lain akan menggunakan model ini supaya mereka mengikuti teknologi baharu ini.

"Saya terpaksa memberikan peruntukan yang besar dari sudut pengairan, walaupun kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang menganggarkan RM173 juta untuk membangunkan padi, bagi saya itu masih tidak cukup, mahu tidak mahu kerajaan Sarawak memberikan peruntukan tambahan yang lain," katanya.

Turut hadir Setiausaha Ke-



**BEGINI CARANYA...** Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg pada lawatan ke Jelapang Padi Sri Aman di Kilang Pemprosesan dan pengeluaran benih padi sah (SPPC) Stumbin, semalam.

rajaan Sarawak, Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki; Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat, Datuk Francis Harden Hollis; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lingga, Dayang

Noorazah Awang Sohor; ADUN Bukit Begunan, Datuk Mong Dagang; Ahli Parlimen Batang Luper, Mohamad Shafizan Kepli dan Pengurus Agensi Pembangunan Sri Aman (SADA) Dato Sri Rohani Abdul Karim.